

## Hukum Berkenaan Pekerjaan Menghantar Makanan Tidak Halal

Mesyuarat Lembaga Fatwa Sarawak Kali Ke-43 pada 7 Rabiulakhir 1446 bersamaan 10 Oktober 2024 telah mengambil maklum pembentangan kertas kerja Hukum Berkenaan Pekerjaan Menghantar Makanan Tidak Halal. Berdasarkan pembentangan dan perbincangan, mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa:

1. Penghantaran makanan yang jelas tidak halal adalah haram dan tidak dibenarkan kerana pekerjaan tersebut dikira sebagai membantu dan melakukan perkara yang haram. Pekerja tersebut hendaklah berusaha sedaya upaya untuk membatalkan tempahan tersebut. Ia berdasarkan kaedah Fiqhiyyah iaitu:

ما أدى إلى الحرام فهو حرام

“Apa sahaja yang membawa kepada haram, maka ia haram”.

2. Penghantaran barangan makanan dan minuman yang dibawa bersama antara halal dan haram adalah bergantung kepada kuantiti yang lebih dominan. Sekiranya makanan dan minuman yang haram lebih banyak kuantitinya, maka pendapatannya adalah haram.

3. Sekiranya tidak dapat ditentukan kuantiti barangan tersebut dan tidak dapat dibezakan sama ada halal atau haram, maka pendapatannya adalah tidak haram.

4. Walau bagaimanapun syarikat penghantaran makanan (p-hailing) disarankan untuk menyediakan platform pengasingan barangan halal dan haram di dalam aplikasi tempahan penghantaran makanan. Ia bertujuan bagi membolehkan penghantar makanan Muslim (p-hailing) boleh menolak penghantaran makanan yang tidak halal tanpa menjejaskan pekerjaannya.